

# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KERANA BERTUKAR/BERPINDAH RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 1/9

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Bayaran Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Bertukar/Berpindah Rumah Dalam Stesen Yang Sama	<p>Seseorang pegawai yang berpindah rumah layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran bagi membiayai perbelanjaan perpindahan rumah tersebut mengikut keadaan-keadaan, syarat-syarat dan kadarkadar berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Berpindah rumah dari rumah sendiri/rumah sewa/rumah Kerajaan ke rumah Kerajaan atau rumah yang sewanya dibayar oleh Kerajaan dan sebaliknya atas arahan pihak berkuasa tertentu; atau</li><li>ii. Berpindah rumah dari rumah sendiri/rumah sewa/rumah Kerajaan ke rumah yang dibeli di bawah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan.</li></ul> <p><b><u>Takrifan</u></b></p> <p><b><u>Rumah Kerajaan</u></b></p> <p>Rumah Biasa Kerajaan - ialah rumah yang bukan dikhaskan untuk seseorang pegawai yang menjawat sesuatu jawatan tertentu dan diperuntukkan kepada pegawai yang layak memohonnya mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan;</p> <p>Rumah Khas Jabatan - ialah rumah yang dikhaskan oleh Jabatan untuk kediaman seseorang pegawai yang dikehendaki berada setiap masa berdekatan dengan tempat bekerja;</p> <p>Rumah Khas Jawatan - ialah rumah yang dikhaskan untuk seseorang pegawai yang memegang jawatan tertentu seperti Ketua Setiausaha Kementerian yang berjawatan gred Jawatan Utama 'B' dan ke bawah; dan</p>	<p>Perenggan 4, PP WP 1.2</p> <p>Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2002</p>

# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KERANA BERTUKAR/BERPINDAH RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020

MUKA SURAT : 2/9

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Bayaran Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Bertukar/Berpindah Rumah Dalam Stesen Yang Sama	<p>Kediaman Rasmi Penjawat Tinggi Kerajaan - ialah rumah yang dikhaskan untuk seseorang penjawat jawatan tinggi yang rumahnya disediakan dengan perabot dan kelengkapan mengikut Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2001, seperti Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Perkhidmatan dan Ketua Jabatan bertaraf Ketua Pengarah yang berjawatan gred Jawatan Utama 'A' dan ke atas.</p> <p><u>Berpindah Rumah</u></p> <p>Berpindah rumah mengikut keadaan-keadaan seperti yang dinyatakan di perenggan 4.1.1 atau 4.1.2 dan tertakluk kepada syarat bahawa pegawai mendiami rumah tersebut.</p> <p><u>Gred/Kategori</u></p> <p>Gred Gaji atau Gred Perkhidmatan, mengikut mana yang berkenaan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM). Pegawai yang membuat pilihan untuk tidak menerima SSM boleh terus membuat tuntutan elaun dan kemudahan di bawah Pekeliling ini berdasarkan kepada Kumpulan Gaji masing-masing mengikut sifir perubahan/perbandingan seperti yang dinyatakan di Lampiran A.</p> <p><u>Pegawai</u></p> <p>Seseorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri termasuk yang dilantik secara sementara atau sangkut.</p>	<p>Perenggan 2.1, PP WP1.2</p> <p>Perenggan 2.4, PP WP1.2</p> <p>Perenggan 2.6, PP WP1.2</p>

# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KERANA BERTUKAR/BERPINDAH RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020

MUKA SURAT : 3/9

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Bayaran Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Bertukar/Berpindah Rumah Dalam Stesen Yang Sama	<p><u>Keluarga Pegawai</u></p> <p><u>Keluarga</u></p> <p>Jika bagi pegawai lelaki, ialah isteri dan anak-anaknya; dan jika bagi pegawai perempuan, ialah suami dan anak-anaknya.</p> <p><u>Anak</u></p> <p>Di mana disebutkan tentang tuntutan-tuntutan yang boleh dibuat bagi keluarga seseorang pegawai, maka anak-anak yang berkelayakan ialah anak-anak yang belum mencapai umur 21 tahun dan ditanggung sepenuhnya oleh pegawai yang tinggal bersama semasa pelaksanaan pertukaran atau perpindahan rumah. Walau bagaimanapun, anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had-had umur ini tidak akan dipakai. Istilah "anak" akan termasuk juga anak-anak tiri dan anak-anak angkat yang diiktiraf mengikut undang-undang atau kebudayaan.</p> <p><u>Orang Gaji</u></p> <p>Di dalam keluarga pegawai ini juga adalah termasuk seorang orang gaji yang digaji oleh pegawai</p> <p><u>Stesen</u></p> <p>Satu lingkungan kawasan 25km dari pejabat lama ke pejabat baru, manakala bagi tujuan perpindahan rumah, satu lingkungan kawasan 25 km dari rumah lama ke rumah baru.</p>	<p>Perenggan 2.5, PP WP1.2</p> <p>Perenggan 2.9, PP WP1.2</p>

# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : **BAYARAN TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KERANA BERTUKAR/BERPINDAH RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA**

TARIKH KEMASKINI : **31 DISEMBER 2020**

MUKA SURAT : **4/9**

<b>Perkara</b>	<b>Maklumat Yang Perlu Disemak</b>	<b>Rujukan</b>
Bayaran Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Bertukar/Berpindah Rumah Dalam Stesen Yang Sama	<p><b>1. Tuntutan Perpindahan Rumah Dalam Stesen</b></p> <p>Pastikan Tuntutan Perpindahan Rumah Dalam Stesen Yang Sama diterima dan dokumen sokongan disertakan seperti berikut:</p> <p>1.1 Borang Tuntutan Elaun Perpindahan Rumah;</p> <p>1.2 Surat Arahan Masuk Keluar Rumah Kerajaan/ Surat Kelulusan Skim Pembiayaan Perumahan Kerajaan;</p> <p>1.3 Salinan Surat Nikah/ Surat Pendaftaran Perkahwinan dan salinan no. kad pengenalan/ sijil lahir anak-anak pegawai;</p> <p>1.4 Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8-Pin.10/96) dan Penyata Mengenai Peribadi, Perkhidmatan dan Gaji (PR. JPA 2-Pin.1/96) (bagi pegawai yang berpindah rumah yang dibeli melalui Skim Pembiayaan Perumahan Kerajaan);</p> <p>1.5 Surat pengesahan jika pegawai dan isteri/suami pegawai adalah kakitangan Kerajaan/Swasta. (hanya salah seorang sahaja layak membuat tuntutan bayaran tersebut berdasarkan kepada kadar kelayakan pegawai atau kadar kelayakan isteri/suami pegawai, mengikut mana yang lebih tinggi); dan</p> <p>1.6 Dokumen sokongan lain (jika berkaitan).</p>	<p>AP 99(a)</p> <p>PP W.P. 1.2 Lampiran B-1</p> <p>Lampiran A, SPANM Bil. 7/2018 Tatacara Pengurusan Bayaran</p>

# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : **BAYARAN TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KERANA BERTUKAR/BERPINDAH RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA**

TARIKH KEMASKINI : **31 DISEMBER 2020**

MUKA SURAT : **5/9**

<b>Perkara</b>	<b>Maklumat Yang Perlu Disemak</b>	<b>Rujukan</b>
Bayaran Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Bertukar/Berpindah Rumah Dalam Stesen Yang Sama	<p><b>2. Sijil AP58(a)</b></p> <p>Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan dan memenuhi syarat berikut:</p> <p>2.1 Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima; dan</p> <p>2.2 Baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan sepatutnya dibayar dan baki peruntukan tahun semasa adalah mencukupi.</p> <p>Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan Perbendaharaan disertakan (jika berkaitan).</p> <p><b>3. Kelayakan Pegawai</b></p> <p>Syarat Tuntutan dan Kelayakan Pegawai Menuntut:</p> <p>3.1 Tuntutan elaun perpindahan rumah hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan di dalam tempoh tidak lewat daripada 3 bulan selepas tarikh perpindahan rumah dilakukan. Sekiranya penangguhan dibuat ke atas perpindahan, sila kemukakan surat tersebut sebagai dokumen sokongan.</p> <p>3.2 Kenalpasti alamat rumah lama dan rumah baru dan pastikan sama ada perpindahan melibatkan luar kawasan / kompleks yang sama atau tidak.</p> <p>Sekiranya di luar kawasan / kompleks pegawai layak menuntut tuntutan penuh.</p>	<p>AP58(a)</p> <p>Perenggan 4.2.5, PP WP1.2</p>

# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KERANA BERTUKAR/BERPINDAH RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 6/9

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan	
Bayaran Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Bertukar/Berpindah Rumah Dalam Stesen Yang Sama	3.3 Perpindahan rumah yang tidak melibatkan perbelanjaan pengangkutan barang-barang misalnya perpindahan rumah antara blok dalam kompleks yang sama, pegawai hanya layak menuntut $\frac{1}{2}$ atau 50% daripada bayaran penuh. Begitu juga jika pengangkutan barang-barang disediakan, pegawai hanya layak menuntut $\frac{1}{2}$ atau 50% daripada bayaran penuh. Bagi perpindahan rumah antara tingkat dalam blok yang sama, pegawai tidak layak menuntut apa-apa elaun/bayaran perpindahan rumah tersebut.	Perenggan 4.2.3, PP WP1.2	
	<b>4. Tuntutan Yang Layak</b>		
	4.1 Berpindah rumah dari rumah sendiri/ rumah sewa/rumah Kerajaan ke rumah Kerajaan atau rumah yang sewanya dibayar oleh Kerajaan dan sebaliknya atas arahan pihak berkuasa tertentu;		Perenggan 4.1.1, PP WP1.2
	4.2 Berpindah rumah dari rumah sendiri / rumah sewa / rumah Kerajaan ke rumah yang dibeli dibawah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan;		Perenggan 4.1.2, PP WP1.2
	4.3 Perpindahan di atas keadaan-keadaan yang di luar kawalan seseorang pegawai seperti:  4.3.1 Perpindahan akibat daripada bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran dan lain- lain. (perpindahan berbentuk tetap dan bukan sementara); dan  4.3.2 Pengambilan balik tanah (tapak rumah) oleh Kerajaan atau pihak-pihak lain yang dibenarkan oleh Kerajaan.		Perenggan 3.3(i), (ii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1989

# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KERANA BERTUKAR/BERPINDAH RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020

MUKA SURAT :7/9

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Bayaran Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Bertukar/Berpindah Rumah Dalam Stesen Yang Sama	<p>4.4 Perpindahan di atas keadaan-keadaan yang di luar kawalan seseorang pegawai seperti:</p> <p>4.4.1 Perpindahan akibat daripada bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran dan lain- lain. (perpindahan berbentuk tetap dan bukan sementara); dan</p> <p>4.4.2 Pengambilan balik tanah (tapak rumah) oleh Kerajaan atau pihak-pihak lain yang dibenarkan oleh Kerajaan.</p> <p><b>5. Tuntutan Yang Tidak Layak</b></p> <p>5.1 Bagi perpindahan rumah antara tingkat dalam blok yang sama;</p> <p>5.2 Seorang pegawai tidak layak menuntut elaun, bayaran dan kemudahan bersabit dengan perpindahan rumah tersebut jika kemudahan makan, perjalanan dan pengangkutan barang- barang disediakan;</p> <p>5.3 Perpindahan yang dilakukan oleh pegawai akibat daripada penerimaan notis daripada tuan rumah untuk mengosongkan rumah tersebut tidak boleh diterima sebagai satu keadaan yang melayakkan pegawai menuntut bayaran perpindahan; dan</p> <p>5.4 Seseorang pegawai tidak layak menuntut elaun, bayaran dan kemudahan bersabit dengan perpindahan rumah sekiranya pegawai berpindah bukan atas arahan pihak berkuasa tetapi atas tawaran dan persetujuan menduduki kuarters.</p>	<p>Perenggan 3.3(i), (ii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1989</p> <p>Perenggan 4.2.3, PP WP1.2</p> <p>Perenggan 4.2.4, PP WP1.2</p> <p>Perenggan 3.3(iii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1989</p> <p>Lampiran B Surat Kementerian Kewangan KK/BP10/687/69 8/656/2 Jld 9 (97) bth 26.07.2006</p>

# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KERANA BERTUKAR/BERPINDAH RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020

MUKA SURAT : 8/9

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan																																											
Bayaran Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Bertukar/Berpindah Rumah Dalam Stesen Yang Sama	<p><b>6. Kadar Tuntutan</b></p> <p>Pastikan kadar yang dituntut oleh pegawai mengikut kelayakan dan gred pegawai.</p> <p>Semenanjung Malaysia</p> <table border="1"><thead><tr><th rowspan="3">Gred</th><th colspan="2">Pepindahan</th></tr><tr><th colspan="2">Semenanjung Malaysia</th></tr><tr><th>Bujang</th><th>Keluarga</th></tr></thead><tbody><tr><td>Gred Utama/Khas 'A' dan ke atas</td><td>740.00</td><td>2,136.00</td></tr><tr><td>Gred Utama / Khas 'B' dan 'C'</td><td>612.00</td><td>1,699.00</td></tr><tr><td>Gred 53 dan 54</td><td>612.00</td><td>1,699.00</td></tr><tr><td>Gred 45 hingga 52</td><td>528.00</td><td>1,378.00</td></tr><tr><td>Gred 43 dan 44</td><td>464.00</td><td>1,159.00</td></tr><tr><td>Gred 41 dan 42</td><td>420.00</td><td>1,042.00</td></tr><tr><td>Gred 31 hingga 40</td><td>377.00</td><td>924.00</td></tr><tr><td>Gred 27 hingga 30</td><td>337.00</td><td>826.00</td></tr><tr><td>Gred 21 hingga 26</td><td>299.00</td><td>739.00</td></tr><tr><td>Gred 17 hingga 20</td><td>278.00</td><td>671.00</td></tr><tr><td>Gred 13 hingga 16</td><td>251.00</td><td>601.00</td></tr><tr><td>Gred 1 hingga 12</td><td>212.00</td><td>503.00</td></tr></tbody></table>	Gred	Pepindahan		Semenanjung Malaysia		Bujang	Keluarga	Gred Utama/Khas 'A' dan ke atas	740.00	2,136.00	Gred Utama / Khas 'B' dan 'C'	612.00	1,699.00	Gred 53 dan 54	612.00	1,699.00	Gred 45 hingga 52	528.00	1,378.00	Gred 43 dan 44	464.00	1,159.00	Gred 41 dan 42	420.00	1,042.00	Gred 31 hingga 40	377.00	924.00	Gred 27 hingga 30	337.00	826.00	Gred 21 hingga 26	299.00	739.00	Gred 17 hingga 20	278.00	671.00	Gred 13 hingga 16	251.00	601.00	Gred 1 hingga 12	212.00	503.00	Jadual 2, PP WP1.2
Gred	Pepindahan																																												
	Semenanjung Malaysia																																												
	Bujang	Keluarga																																											
Gred Utama/Khas 'A' dan ke atas	740.00	2,136.00																																											
Gred Utama / Khas 'B' dan 'C'	612.00	1,699.00																																											
Gred 53 dan 54	612.00	1,699.00																																											
Gred 45 hingga 52	528.00	1,378.00																																											
Gred 43 dan 44	464.00	1,159.00																																											
Gred 41 dan 42	420.00	1,042.00																																											
Gred 31 hingga 40	377.00	924.00																																											
Gred 27 hingga 30	337.00	826.00																																											
Gred 21 hingga 26	299.00	739.00																																											
Gred 17 hingga 20	278.00	671.00																																											
Gred 13 hingga 16	251.00	601.00																																											
Gred 1 hingga 12	212.00	503.00																																											



# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KERANA BERTUKAR/BERPINDAH RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 9/9

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan																																											
Bayaran Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Bertukar/Berpindah Rumah Dalam Stesen Yang Sama	Sabah, Sarawak dan Labuan																																												
	<table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="3">Gred</th> <th colspan="2">Perpindahan</th> </tr> <tr> <th colspan="2">Sabah, Sarawak &amp; Labuan</th> </tr> <tr> <th>Bujang</th> <th>Keluarga</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Gred Utama/Khas 'A' dan ke atas</td> <td>996.00</td> <td>2,943.00</td> </tr> <tr> <td>Gred Utama / Khas 'B' dan 'C'</td> <td>828.00</td> <td>2,303.00</td> </tr> <tr> <td>Gred 53 dan 54</td> <td>828.00</td> <td>2,303.00</td> </tr> <tr> <td>Gred 45 hingga 52</td> <td>723.00</td> <td>1,882.00</td> </tr> <tr> <td>Gred 43 dan 44</td> <td>659.00</td> <td>1,667.00</td> </tr> <tr> <td>Gred 41 dan 42</td> <td>596.00</td> <td>1,444.00</td> </tr> <tr> <td>Gred 31 hingga 40</td> <td>487.00</td> <td>1,202.00</td> </tr> <tr> <td>Gred 27 hingga 30</td> <td>464.00</td> <td>1,105.00</td> </tr> <tr> <td>Gred 21 hingga 26</td> <td>407.00</td> <td>1,007.00</td> </tr> <tr> <td>Gred 17 hingga 20</td> <td>365.00</td> <td>899.00</td> </tr> <tr> <td>Gred 13 hingga 16</td> <td>325.00</td> <td>806.00</td> </tr> <tr> <td>Gred 1 hingga 12</td> <td>286.00</td> <td>704.00</td> </tr> </tbody> </table>	Gred	Perpindahan		Sabah, Sarawak & Labuan		Bujang	Keluarga	Gred Utama/Khas 'A' dan ke atas	996.00	2,943.00	Gred Utama / Khas 'B' dan 'C'	828.00	2,303.00	Gred 53 dan 54	828.00	2,303.00	Gred 45 hingga 52	723.00	1,882.00	Gred 43 dan 44	659.00	1,667.00	Gred 41 dan 42	596.00	1,444.00	Gred 31 hingga 40	487.00	1,202.00	Gred 27 hingga 30	464.00	1,105.00	Gred 21 hingga 26	407.00	1,007.00	Gred 17 hingga 20	365.00	899.00	Gred 13 hingga 16	325.00	806.00	Gred 1 hingga 12	286.00	704.00	
	Gred		Perpindahan																																										
			Sabah, Sarawak & Labuan																																										
		Bujang	Keluarga																																										
	Gred Utama/Khas 'A' dan ke atas	996.00	2,943.00																																										
	Gred Utama / Khas 'B' dan 'C'	828.00	2,303.00																																										
	Gred 53 dan 54	828.00	2,303.00																																										
	Gred 45 hingga 52	723.00	1,882.00																																										
	Gred 43 dan 44	659.00	1,667.00																																										
	Gred 41 dan 42	596.00	1,444.00																																										
	Gred 31 hingga 40	487.00	1,202.00																																										
	Gred 27 hingga 30	464.00	1,105.00																																										
	Gred 21 hingga 26	407.00	1,007.00																																										
Gred 17 hingga 20	365.00	899.00																																											
Gred 13 hingga 16	325.00	806.00																																											
Gred 1 hingga 12	286.00	704.00																																											
	<p><b>7. Kod Akaun</b></p> <p>Semak sama ada kod akaun yang dipertanggungjawabkan ke atas arahan pembayaran adalah menggunakan kod akaun B0222100 dan B0222300.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kakitangan Awam Biasa</th> <th>Polis dan Tentera</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>B0222155</td> <td>B0222355</td> </tr> </tbody> </table>	Kakitangan Awam Biasa	Polis dan Tentera	B0222155	B0222355	<p>PP PS 1.1</p> <p>SPANM Bil. 10 Tahun 2017 Carta Akaun Asas Akruan</p>																																							
Kakitangan Awam Biasa	Polis dan Tentera																																												
B0222155	B0222355																																												

**JADUAL PERUBAHAN/PERBANDINGAN BAGI PEGAWAI YANG  
MEMILIH UNTUK TIDAK MENERIMA SISTEM SARAAAN MALAYSIA (SSM)**

GRED/KUMPULAN/KATEGORI YANG DIGUNA PAKAI		
KUMPULAN (JAWATANKUASA KABINET 1976)	SISTEM SARAAAN SSB	SISTEM SARAAAN SSM
<u>Kumpulan Gaji A</u>		
Tingkatan Tertinggi 'A' dan ke atas	Gred Utama/Khas 'A' dan ke atas	Gred Utama/Khas 'A' dan ke atas
Tingkatan Tertinggi 'B' dan 'C'	Gred Utama/Khas 'B' dan 'C'	Gred Utama/Khas 'B' dan 'C'
Tingkatan Tertinggi 'D'	Kategori I bergaji RM5,387 dan ke atas	Gred 53 dan 54
Tingkatan Tertinggi 'G' hingga Tingkatan Tertinggi 'E'	Kategori III bergaji RM4,366 hingga Kategori I bergaji RM5,386	Gred 45 hingga 52
Tingkatan Kanan	Kategori III bergaji RM3,417 hingga RM4,365 dan Kategori IV bergaji RM3,345 dan ke atas	Gred 43 dan 44
Pegawai-pegawai Lain	Kategori III bergaji RM3,416 dan ke bawah dan Kategori IV bergaji RM3,344 dan ke bawah	Gred 41 dan 42
<u>Kumpulan Gaji B</u>		
Tingkatan Kanan/Khas dan Tinggi	Kategori V dan VI	Gred 31 hingga 40
Pegawai-pegawai Lain	Kategori VII	Gred 27 hingga 30
Tingkatan Kanan/Khas dan Tinggi	Kategori VIII	Gred 21 hingga 26
Pegawai-pegawai Lain	Kategori IX	Gred 17 hingga 20
Tingkatan Kanan/Khas dan Tinggi	Kategori X	Gred 13 hingga 16
Pegawai-pegawai Lain	Kategori XI	Gred 1 hingga 12



KEMENTERIAN KEWANGAN  
 KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN  
 PRÉSINT 2  
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
 62592 PUTRAJAYA

Tel : 03-8882-3000  
 Cebel : TREASURY, KL  
 Telex : FEOTAY MA 32368  
 Fax : 03-8882 3893  
 03-8882 3894  
 Web : <http://www.treasury.gov>

KK/BP1 O/687/698/656/2 Jld. 9 (97)

26 Julai 2006

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
 Jabatan Perkhidmatan Awam  
 Bahagian Sumber Manusia Dan Khidmat Pengurusan  
 Aras 7-11, Blok C1, Parcel C  
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
 62510 PUTRAJAYA

(u.p: Puan Robiah Binti Mohd Tahar)



Tuan,

**Bayaran Elaun Kerana Berpindah Rumah**

Dengan hormatnya saya dilarah merujuk kepada surat tuan bil. JPA(KEW)144/27/1 Klt. (46) bertarikh 6 Jun 2006 berhubung dengan perkara di atas.

2. Perbendaharaan telah mengkaji persoalan yang dikemukakan oleh pihak tuan dan penjelasan adalah seperti mana perenggan 4.1.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 1995 iaitu anggota layak menuntut elaun berpindah rumah dari rumah sendiri/rumah sewa/rumah kerajaan ke rumah kerajaan atau rumah yang sewanya dibayar oleh Kerajaan dan sebaliknya tertakluk kepada perpindahan dibuat atas arahan pihak berkuasa tertentu seperti arahan menduduki kuarters atas keperluan perkhidmatan atau arahan keluar kuarters bagi tujuan penyelenggaraan rumah. Selaras dengan peraturan tersebut, pegawai layak membuat tuntutan tanpa tertakluk kepada kekerapan berpindah kerana hanya dibuat atas arahan pihak berkuasa tertentu.

3. Berhubung dengan pegawai yang ditawarkan menduduki kuarters, elaun perpindahan tidak layak dibayar kepada pegawai tersebut kerana perpindahan bukan dibuat atas arahan pihak berkuasa tetapi atas tawaran dan persetujuan menduduki kuarters.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(OTHMAN BIN ABDULLAH)**

Bahagian Pentadbiran  
 b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan.



## Contoh Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai

(Kew. 8 – Pin. 10/96)

JPA(T)P.84486(4) KERAJAAN MALAYSIA  
**PENYATA PERUBAHAN MENGENAI PENDAPATAN SESEORANG PEGAWAI**

Akaun Negara **Malaysia**  
 Bendahari Negeri  
 Akaun Perbendaharaan  
 Pembantu Kewangan  
 Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia  
 (U.P. Pusat Sumber Maklumat, Bahagian Khidmat Pengurusan)

Perubahan berikut telah diluluskan. Sila bayar pegawai yang berkenaan seperti berikut:

Nama Pegawai ..... **NOR AIN BINTI MUSTAFA (770707-07-7776)**

Jawatan ..... **AKALINTAN W44**

Nombor Gaji Berkomputer ..... **4105929**

Buti-butir Perubahan	Tarikh	Gaji Balasan	Catatan	No. Surat Kebenaran
Diuluskan Tuntutan Elaun Perpindahan kerana berpindah ke Rumah Sendiri yang dibali melalui Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan  (Kemudahan ini hanya diberi sekali dalam tempoh perkhidmatan)	12.08.2009	RMS412.00	Tuntutan: RM1,159.00	

(U.P./08)

1. Semua perubahan mengenai pendapatan seseorang pegawai hendaklah dinyatakan dalam borang ini. Perubahan-perubahan yang berkaitan adalah seperti berikut:

Jawatan	Cuti	Elaun-elaun
Perantukan baru (jawatan tetap)	Sepah gaji	Semua jenis elaun
Penghasilan dalam jawatan	Tanpa gaji	
Dimasukkan ke dalam perjawatan bergencas	Cuti sakit separuh gaji atau tanpa gaji	
Memangku		
Naik pangkat		
Melangkah sekatan kecakapan		
Pertukaran	Bersara	
Pinjaman/pertukaran sementara		
Gantung kerja		
Turun pangkat		
Buang kerja	Gaji	
Melantik jawatan		
Perantukan semula	Kenaikan gaji ditolak	
Meninggali dunia	Kenaikan gaji ditangguh	
Perantukan sementara/kontrak	Turun gaji	
Tamat perkhidmatan sementara/kontrak		

2. Satu salinan penyata ini hendaklah dihantar kepada PUSAT SUMBER MAKLUMAT, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA dengan mengisi buti-butir berkenaan dalam borang PR, JPA 2 (Pin. 1/96) di sebelah belakang penyata ini. Badan-badan Berkanon/Pengguna Tempatan yang tidak menggunakan Laporan Penyata Perubahan (Kew. 8) untuk membenarkan sebarang pembayaran hanya dikehendaki menghantar satu salinan Laporan Penyata Perubahan PR, JPA 2 (Pin. 1/96) ke Pusat Sumber Maklumat, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan tidak perlu menghantar kepada Akauntan